



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

KITASELANGOR

KENYATAAN MEDIA

SELANGOR ANJUR KEMPEN BEBAS PLASTIK, BAGAN LALANG, SEPANG JADI LOKASI PERTAMA

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar akan menganjurkan Kempen Bebas Plastik di kawasan pantai Bagan Lalang, Sepang pada 24 Mei 2025 (Sabtu), selaras komitmen untuk memperkukuh agenda kelestarian alam sekitar dan mengurangkan pencemaran plastik sekali guna.

Program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar sebagai langkah advokasi berterusan terhadap pengurangan penggunaan plastik, selain memperkasakan amalan kitar semula dan gaya hidup lebih mesra alam dalam kalangan masyarakat.

Penganjuran kempen ini juga bertujuan mendidik orang ramai tentang kesan jangka panjang sisa plastik terhadap alam sekitar, ekosistem dan kesihatan awam, serta menggalakkan komuniti tempatan untuk lebih proaktif dalam pengurusan sisa.

Antara segmen menarik yang menanti pengunjung sepanjang program ini ialah larian 3km; senamrobik; pameran agensi kerajaan, IPTA/IPTS dan KEMAS; reruai makanan tanpa penggunaan plastik serta Trash to Can iaitu orang ramai boleh membawa barangan kitar semula dan menerima insentif.

Turut diadakan ialah aktiviti menanam pokok dan pertunjukan fesyen bertemakan bebas plastik serta alam sekitar yang melibatkan penyertaan kanak-kanak.

Sebagai usaha memastikan keberkesanan kempen ini, semua peniaga di tapak program tidak akan menggunakan beg plastik dan sebarang bekas plastik sepanjang

PEJABAT EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: 03 5544 7623 Emel: jamaliah.selangor@gmail.com



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

program berlangsung.

Pengunjung yang membawa bekas makanan dan minuman sendiri yang tidak berasaskan plastik pula akan menerima diskaun istimewa bagi setiap pembelian di reruai makanan.

Untuk makluman, program di Bagan Lalang ini merupakan lokasi pertama daripada empat siri program yang telah dirancang di bawah Kempen Bebas Plastik 2025.

Program berikutnya akan diteruskan di lokasi-lokasi lain sekitar Selangor pada Jun, Ogos dan acara kemuncak iaitu Karnival Alam Sekitar pada Oktober 2025.

Saya percaya usaha ini bukan sahaja mampu meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat, malah dapat membina komuniti yang lebih bertanggungjawab dan peka terhadap kelestarian alam semula jadi.

Justeru, saya mengajak seluruh masyarakat khususnya penduduk sekitar Sepang dan kawasan berdekatan untuk hadir beramai-ramai menyokong program ini.

Ayuh bersama kita tunjukkan komitmen terhadap alam sekitar dan menjadi ejen perubahan untuk generasi akan datang.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN

EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar